

PENTINGNYA MENJAGA KEBERSIHAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿١﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿٢﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam maknanya menjunjung dan melaksanakan segala yang diperintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya.

Sesungguhnya orang yang bertaqwa itu adalah semulia-mulia hamba Allah dan Allah Ta'ala menjanjikan keselamatan, kemenangan dan kejayaan kepada orang yang bertaqwa sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak, malah Allah SWT sentiasa bersama dengan hamba-hamba-Nya yang bertaqwa, sebagaimana firman-Nya:

...وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٧٤﴾

Maksudnya: "...dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah, sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 194)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH TA'ALA,

Pada hari mulia lagi barakah ini, khatib amat teruja untuk menarik perhatian Jemaah sekalian berkaitan perkara yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam, iaitu berkaitan kebersihan. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al Quran:

...إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Maksudnya: "...Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri". (Surah Al Baqarah, ayat 222)

Firman Allah Ta'ala lagi:

... فِيهِ رَجَالٌ مُّطَهَّرُونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: "...Di dalam masjid itu ada orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah mengasihi orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)". (Surah At-Taubah, ayat 108)

Berdasarkan mafhum ayat ini, Allah SWT amat suka dan mengasihi orang yang banyak bertaubat, orang yang sentiasa menjaga kebersihan dan mensucikan diri sama ada kebersihan dari sudut bersih/suci jasmani dan bersih/suci rohani atau jiwa raga atau bersih/suci zahir dan batin.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Islam adalah agama yang amat mengutamakan kebersihan dan menganjurkan umatnya menjaga kebersihan diri, jiwa raga, pakaian, makan minum dan juga kebersihan bangunan seperti masjid, surau, sekolah, pejabat, premis perniagaan, dewan orang ramai, rumah serta halaman atau persekitaran dan sebagainya. Kerana kebersihan itu sebahagian dari keimanan, bahkan kebersihan juga berkaitan dengan kesihatan, keselesaan dan keceriaan dalam kehidupan sehari-harian umat manusia, terutama kepada umat Islam.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam Hadithnya yang bermaksud: *"Bersuci itu sebahagian daripada iman dan membaca Alhamdulillah adalah memenuhi timbangan, membaca Subhanallah Wal-Hamdulillah adalah memenuhi seisi langit dan bumi, Solat Sunat adalah cahaya, sedekah adalah petunjuk, sabar adalah sinar yang memancar dan Al Quran adalah hujjah dalam perbicaraan mu. Setiap manusia pada waktu pagi harus memperjualbelikan dirinya. Ada kala dia untung (selamat dari maksiat) dan ada kalanya rugi (terseret kepada maksiat)".* (HR Imam Muslim)

Islam agama bersih. Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud: *"Islam itu adalah bersih, maka jadilah kamu orang yang bersih. Sesungguhnya tidak masuk syurga kecuali orang yang bersih".* (HR Al-Baihaqi)

Oleh itu, ajaran dan Syariat Islam amat menganjurkan umatnya supaya menjaga kebersihan itu dengan sebaik-baiknya mengikut panduan, ajaran dan Syariat Islam yang syumul dan sempurna.

Islam agama sempurna dan lengkap selengkap-lengkapnyanya. Firman Allah SWT:

... الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ

Maksudnya: "...Pada hari ini, Aku (Allah) telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...". (Surah Al-Maidah, ayat 3)

Ayat ini, menjelaskan bahawa Islam agama yang sempurna dan lengkap bagi segala panduan kehidupan umat manusia. Semua perkara yang menyangkut keperluan hidup manusia sama ada berkaitan panduan hidup, makanan, minuman, ilmu pengetahuan, pendidikan, perundangan, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya termaktub dalam Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Apa jua perkara dan urusan kehidupan ini, termasuk hal-hal menjaga kebersihan, ambillah panduan dan rujuklah Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, pasti tepat, betul dan benarlah jalan yang kita ikut dan ambil itu, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara, sama sekali kamu tidak akan sesat, selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu: Kitabullah (Al Quran) dan Sunnah Rasulullah SAW".* (HR Imam Malik dan Muslim)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Menjaga kebersihan itu merupakan perintah yang disyariatkan di dalam Islam. Kerana menjaga kebersihan itu termasuk kebersihan rohani dan jasmani adalah dua perkara yang penting dalam kehidupan umat Islam yang beriman.

Tentang kebersihan rohani ialah kebersihan berkaitan dengan hati setiap orang, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak melihat jasad-jasad kamu, tidak pula melihat rupa paras kamu, tetapi Dia melihat kepada hati-hati kamu”*. (HR Imam Muslim)

Dalam Kitab Bulughul Maram, karangan Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani menjelaskan: *“Membersihkan hati daripada segala bentuk syirik terhadap Allah Ta’ala, juga membersihkan hati di dalam beribadah kepada-Nya dan membersihkan diri daripada sifat-sifat mazmumah (keji)”*.

Berdasarkan mafhum Hadith dan penjelasan Imam Ibnu Hajar, bahawa kebersihan dan menjaga kebersihan itu bukan semata-mata pada perkara fizikal, jasmani atau zahir, tetapi ia mesti terangkum kebersihan rohani dan jiwa sekaligus.

Ingatlah, inilah antara keindahan ajaran dan Syariat Islam. Islam menilai kebaikan dan kebersihan itu dalam semua keadaan, iaitu bersih/suci zahir dan batin, bersih/suci rohani dan jasmani atau bersih jiwa dan raga.

Berjaya dan beruntunglah orang yang menjaga kedua-duanya, firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

Maksudnya: *“Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal soleh)”*. (Surah Al-A’laa, ayat 14)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Khatib ingin mengajak para Jemaah sekalian untuk melihat perihal penting menjaga kebersihan dari sudut jasmani atau fizikal, beruntunglah orang yang menjaga kebersihan, malah di sisi Allah SWT akan memperolehi ganjaran pahala yang banyak, kerana melakukan perkara yang diperintah-Nya serta disukainya, antara perkara yang dituntut kita menjaganya, ialah:

1. Menjaga kebersihan tubuh badan merupakan perkara utama, untuk beribadah perlu bersih tubuh badan, sebagaimana firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ...

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (pada hal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sepuluh sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu junub (berhadap besar) maka bersucilah dengan mandi wajib...”*. (Surah Al-Maidah, ayat 6)

2. Menjaga kebersihan mulut dan gigi. Perkara ini sangat diambil berat oleh Baginda Rasulullah SAW, Sesebagaimana sabdanya yang bermaksud: *“Jika tidak menjadi keberatan kepada umatku, maka sungguh aku akan perintahkan bersiwak (mengosok gigi) setiap kali hendak solat”*. (HR Imam Al-Bukhari)
3. Kebersihan masjid/surau. Masjid/surau bagi umat Islam adalah pusat kehidupan umat sebagai tempat beribadah, belajar, bertemu, bermesyuarat dan bermasyarakat. Kerana itu menjaga kebersihannya amat dianjurkan dalam Islam, terutama kawasan tandas masjid dan surau. Dari Aisyah RA berkata: *“Rasulullah SAW telah memerintahkan kepada kami untuk membangunkan masjid di tempat-tempat tinggal dan supaya selalu dibersihkan serta diberi wangi-wangian”*. (HR Imam Ahmad, At-Tirmizi, Ibnu Majah dan Abu Daud)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

4. Menjaga kebersihan bangunan atau premis seperti rumah, sekolah, pejabat, premis perniagaan/pusat beli belah, dewan orang ramai, balai raya, juga tandas, halaman, persekitaran, jalan raya, pusat rekreasi, kolam, parit dan sebagainya. Islam adalah agama yang menganjurkan kebersihan, kerana sesungguhnya Allah SWT Maha Bersih, Dia menyukai kebersihan, sebagaimana diriwayatkan daripada Saad bin Abi Waqqas dari bapanya dari Rasulullah SAW (bersabda) yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah Ta’ala itu Maha Suci yang menyukai hal-hal yang suci. Dia Maha Bersih yang menyukai kebersihan. Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan. Dia Maha Indah yang menyukai keindahan, kerana itu bersihkanlah tempat-tempat kamu”*. (HR Imam At-Tirmizi)

Bangunan, premis, tandas dan persekitaran yang bersih bermula dari diri kita, anak isteri, ahli keluarga dan masyarakat. Jangan jadikan jalan raya tempat buang sampah, jangan jadikan parit, sungai dan laut tong sampah kita. Ingatlah, kebersihan itu bermakna kesihatan kita, ahli keluarga, anak isteri/suami dan masyarakat dan alam sekitar termasuk haiwan.

5. Menjaga kebersihan makan minum dari segi halal haramnya. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِيْنٌ

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”*. (Surah Al-Baqarah, ayat 168)

Ingatlah, doa kita tidak akan makbul dan daging yang tumbuh dari makanan yang haram itu, api neraka yang akan membakarnya. Oleh itu bersama-sama kita menjauhi dari segala sumber yang haram itu, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“...Daging yang tumbuh daripada yang haram, maka api neraka lebih utama baginya”*. (HR Imam Ahmad)

6. Menjaga kebersihan pakaian. Umat Islam dianjurkan berpakaian yang indah, kemas dan bersih terutama ketika hendak ke masjid menunaikan ibadat solat. Firman Allah SWT:

يٰۤاٰدَمُ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا...

Maksudnya: *“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan solat)...”*. (Surah Al-A’raaf, ayat 31)

7. Menjaga kebersihan halaman rumah. Jagalah kebersihan rumah, halaman dan persekitarannya, Sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *“Bersihkanlah halaman rumah kalian. Sebab orang Yahudi tidak membersihkan halaman rumah mereka”*. (HR At-Thabrani). Dalam Hadith lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah Maha Baik. Kerana itu bersihkanlah halaman rumah dan teras rumah kamu. Janganlah kamu menyerupai Yahudi, mereka mengumpulkan sampah di rumah”*. (HR Al-Bazzar)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Demikianlah, Islam memandu, membimbing, menunjuk dan mendidik umatnya dalam perkara kebersihan dan menjaga kebersihan. Kebersihan zahir dan batin, kebersihan rohani dan jasmani atau disebut juga kebersihan jiwa raga.

Marilah, kita bermula pada hari mulia lagi penuh barakah ini, bersama-sama kita mengambil berat dan membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan. Kerana kebersihan itu sebahagian daripada keimanan. Allah SWT amat menyukai kebersihan. Mudah-mudahan kita, anak isteri, ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat serta seluruh masyarakat Islam di mana-mana pun kita berada ‘kebersihan’ itu menjadi perkara penting.

In syaa Allah, kita akan menjadi umat yang bersih jasmani dan rohani, zahir dan batin dan umat yang sentiasa membudayakan kebersihan berdasarkan tuntutan ajaran dan Syariat Islam serta mendapat pahala yang sebaik-baiknya di sisi Allah SWT.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.